



Head of ideas.

SIARAN AKHBAR

April 2025

World Kids Colouring Day 2025: Meraikan Perpaduan & Kebahagiaan Melalui Seni

Tarikh 6 Mei menandakan sambutan Kempen World Kids Colouring Day 2025, sebuah inisiatif berskala global oleh STAEDTLER yang bertujuan untuk menginspirasi kreativiti dan ekspresi dalam kalangan kanak-kanak melalui seni. Di Malaysia, STAEDTLER Malaysia dengan bangganya menganjurkan **Pertandingan Melukis & Mewarna Dalam Talian Peringkat Kebangsaan bertemakan “Perpaduan & Kebahagiaan”** dari 1 April hingga 30 Jun 2025. Kempen ini menjemput para artis cilik dari seluruh negara untuk menyalurkan kreativiti dan emosi mereka melalui seni sambil menyokong satu tujuan yang bermakna.

Meraikan Perpaduan & Kebahagiaan Melalui Seni

Kebahagiaan adalah unik bagi setiap kanak-kanak. Melalui pertandingan ini, STAEDTLER Malaysia menggalakkan mereka untuk meluahkan makna perpaduan dan kebahagiaan mengikut perspektif mereka. Sama ada bersama keluarga, bermain dengan rakan, atau saat-saat penuh kebaikan, karya seni mereka mencerminkan kegembiraan dan kebersamaan.

Dengan inisiatif ini, kanak-kanak bukan sahaja dapat mengasah bakat seni tetapi juga memupuk empati, rasa hormat, dan penghargaan terhadap orang di sekeliling mereka. Seni berperanan sebagai jambatan yang menyatukan perbezaan dan menggalakkan persefahaman, menekankan kepentingan perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai seperti Malaysia.

Kategori & Penyertaan

Pertandingan Melukis & Mewarna Dalam Talian Peringkat Kebangsaan “Perpaduan & Kebahagiaan” dibuka kepada kanak-kanak berumur 3 hingga 12 tahun, sama ada secara individu atau dalam kumpulan seperti kelas sekolah atau kelab seni. Kategori pertandingan adalah seperti berikut:

- Kategori A: 4 – 6 tahun
- Kategori B: 7 – 9 tahun
- Kategori C: 10 – 12 tahun

Bagi setiap penyertaan yang diterima dari 1 April hingga 30 Jun 2025, STAEDTLER akan menyumbangkan 1 Euro bagi setiap karya seni kepada projek **Plan International Germany** di Togo, Afrika Barat. Prove ini bertujuan untuk meningkatkan penjagaan dan pendidikan



Head of ideas.

awal kanak-kanak di 16 komuniti kurang bernasib baik, menyediakan pembelajaran asas, pemakanan, serta akses lebih baik kepada air bersih.

Banyak keluarga di Togo bergelut dengan kemiskinan, menyebabkan kesukaran dalam menyediakan penjagaan yang mencukupi untuk anak-anak kecil mereka. Inisiatif ini membolehkan kanak-kanak kreatif Malaysia menyumbang kepada perubahan bermakna, membuktikan bahawa seni dan kreativiti adalah alat berkuasa untuk menyebarkan kebaikan dan nilai murni.

Hadiah Menarik Menanti!

Peserta di Malaysia berpeluang memenangi **produk STAEDTLER berkualiti tinggi, permainan pendidikan, dan hadiah menarik** bernilai lebih **RM10,000** secara keseluruhan.

Ganjaran Insentif Sekolah

Sebagai penghargaan kepada sekolah yang menyokong kempen ini, STAEDTLER Malaysia akan memberikan sumbangan kepada aktiviti seni sekolah berdasarkan jumlah penyertaan yang dihantar. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk turut serta dan menikmati keseronokan dalam mengekspresikan kreativiti.

Ganjaran kepada sekolah adalah seperti berikut:

- **Lebih 600 penyertaan** – RM300 dalam bentuk sokongan kewangan + produk STAEDTLER untuk program seni/kreatif sekolah
- **Lebih 1,000 penyertaan** – RM600 dalam bentuk sokongan kewangan + produk STAEDTLER untuk program seni/kreatif sekolah
- **Lebih 2,000 penyertaan** – RM1,400 dalam bentuk sokongan kewangan + produk STAEDTLER untuk program seni/kreatif sekolah

Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan ekspresi seni tetapi juga memperkukuh budaya kreatif dalam sekolah-sekolah.

Sertai Kempen Kreatif & Bermakna Ini!

STAEDTLER Malaysia menjemput semua kanak-kanak **berumur 3 hingga 12 tahun** untuk menyertai inisiatif bermakna ini. Mari bersama-sama meraikan **Perpaduan & Kebahagiaan** melalui seni dan mencipta masa depan yang lebih ceria dan prihatin. Untuk maklumat lanjut mengenai **World Kids Colouring Day 2025 di Malaysia**, layari:

www.staedtler.com.my/worldkidscolouringday



Kapsyen gambar:

Kebahagiaan itu pelbagai dan harus diterokai oleh kanak-kanak melalui lukisan mereka. Imej poster pertandingan dengan elemen kebersamaan turut menekankan kepentingan perpaduan dalam kepelbagaian.

Hak imej:

STAEDTLER Malaysia



Kapsyen gambar:

Pertandingan melukis ini menyokong projek bantuan kanak-kanak oleh *Plan International Germany* di Togo. Kanak-kanak kecil, terutamanya di kawasan luar bandar, harus mendapat akses kepada penjagaan dan pendidikan yang penuh kasih sayang serta bersesuaian dengan keperluan mereka.

Hak imej:

© Plan International



Kapsyen gambar:

Togo merupakan antara negara termiskin di dunia. Plan International menyokong pusat jagaan kanak-kanak, institusi pendidikan, dan pusat kesihatan. Ini juga akan membantu mengenal pasti serta merawat penyakit dan masalah kekurangan zat makanan dengan lebih pantas di masa hadapan.

Hak imej:

© Plan International



Head of ideas.

Tentang Plan International Germany

Plan International ialah sebuah organisasi bebas yang menyediakan bantuan kemanusiaan serta menyokong pembangunan masyarakat, tanpa dipengaruhi oleh agama atau kepercayaan politik. Selama 80 tahun, organisasi ini telah berusaha memastikan kanak-kanak lelaki dan perempuan dapat menjalani kehidupan bebas daripada kemiskinan, keganasan, dan ketidakadilan. Dengan kehadiran di lebih 80 negara, Plan International menumpukan kepada pembangunan komuniti secara mampan serta meningkatkan taraf hidup di negara rakan kerjasama. Ia juga bertindak balas dengan pantas terhadap situasi kecemasan dan bencana alam yang mengancam kehidupan kanak-kanak. Matlamat utama Plan International sejajar dengan Sustainable Development Goals (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan fokus kepada kesaksamaan gender, terutama bagi golongan perempuan. Misi globalnya adalah untuk membantu 200 juta kanak-kanak perempuan belajar, memimpin, membuat keputusan, dan mencapai potensi penuh mereka.

www.plan.de

Tentang STAEDTLER

STAEDTLER ialah salah satu pengeluar dan pembekal alat tulis, mewarna, melukis, dan model terkemuka dunia serta merupakan antara syarikat perindustrian tertua di Jerman. Dengan pelbagai produk berkualiti tinggi, STAEDTLER menginspirasi kreativiti pelanggan dari peringkat kanak-kanak hingga ke tahap profesional. Syarikat ini sentiasa berusaha menghubungkan tradisi analog dengan inovasi digital. Ibu pejabat STAEDTLER terletak di Nuremberg, Jerman, dan kini mempunyai hampir 2,000 kakitangan di seluruh dunia, dengan kehadiran di 26 negara. Di Malaysia, STAEDTLER telah dikenali selama lebih 60 tahun sejak 1964 sebagai jenama alat tulis pilihan utama, bukan sahaja untuk kanak-kanak tetapi juga golongan dewasa. Kami terus komited dalam memupuk ekspresi seni dan menyediakan produk inovatif kepada pelanggan di seluruh dunia. www.staedtler.com.my

Hubungi:

Darzian Darbi

Pembantu Pengurus, Perhubungan Awam

STAEDTLER Malaysia (STAEDTLER Marketing Sdn. Bhd.)

A-3-3 & A-3A-3, SETIAWALK,

PERSIARAN WAWASAN,

PUSAT BANDAR PUCHONG,

47160, PUCHONG,

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03- 8601 8338

Email: Darzian.Darbi@staedtler.com